



Wang Kertas \$5 Baru
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

Peristiwa Penting Mata Wang Amerika Syarikat

Nota Kolonial **1690**

Koloni Massachusetts Bay, satu daripada Tiga Belas Koloni Asal, mengeluarkan duit kertas pertama untuk membiayai kos ekspedisi ketenteraan. Amalan mengeluarkan duit kertas tersebar ke Koloni lain.

Pencegahan Wang Palsu **Franklin yang Unik** **1739**

Syarikat percetakan Benjamin Franklin di Philadelphia telah mencetak wang kertas kolonial dengan gambar alam semula jadi – cetakan timbul corak yang diacu daripada daun sebenar yang unik. Proses ini menjadi tambahan kepada pencegahan wang palsu yang inovatif dan berkesan, dan tidak difahami sepenuhnya sehingga berabad-abad kemudian.

Pengharaman British **1764**

Berikutnya sekatan selama bertahun-tahun ke atas duit kertas, Britain akhirnya mengarahkan pengharaman penuh ke atas pengeluaran duit kertas oleh Koloni.

Mata wang Kontinental **1775**

Kongres Kontinental mengeluarkan duit kertas untuk membiayai Perang Revolusioner. Mata wang kontinental dikeluarkan dalam jenis mata wang dolar Sepanyol yang ditempa. Tanpa sokongan yang kuat, wang kertas telah dipalsukan dengan mudah dan hilang nilainya dengan cepat, menimbulkan frasa “tidak bernilai satu Kontinental.”

Bank Amerika Utara **1781**

Kongres telah memberi piagam kepada Bank Amerika Utara di Philadelphia sebagai bank negara yang pertama, menubuhkannya untuk menyokong operasi kewangan kerajaan yang belum matang.

Duit Dolar **1785**

Kongres mengambil dolar sebagai unit kewangan Amerika Syarikat.

Bank Pusat yang Pertama **1791**

Kongres memberi piagam kepada Bank Amerika Syarikat untuk berkhidmat sebagai agen fiskal Perbadaharaan A.S buat tempoh 20 tahun. Bank tersebut merupakan bank pertama menjalankan fungsi bank pusat bagi kerajaan dan beroperasi sehingga tahun 1811, apabila Kongres menolak untuk memperbaharui piagam bank tersebut. Dengan mengakui bahawa sistem perbankan pusat masih diperlukan untuk memenuhi keperluan kewangan negara, Kongres telah memberi piagam kepada Bank Amerika Syarikat yang kedua pada tahun 1816 buat tempoh 20 tahun lagi.

Sistem Kewangan **1792**

Akta Pensyilingan tahun 1792 telah menubuhkan Kilang Syiling A.S. dan mewujudkan sistem kewangan persekutuan, menetapkan jenis mata wang untuk syiling dan menentukan nilai setiap duit syiling dalam emas, perak atau kuprum.



Wang Kertas \$5 Baru
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

Belakang hijau 1861

Edaran umum duit kertas pertama oleh kerajaan persekutuan A.S. terjadi pada tahun 1861. Apabila didesak untuk membiayai Perang Saudara, Kongres telah mengarahkan Perbendaharaan A.S. untuk mengeluarkan Nota Segera tanpa faedah. Nota ini mendapat nama berian "hijau di belakang" disebabkan oleh warnanya. Pada hari ini semua duit kertas A.S. yang dikeluarkan sejak 1861 tetap sah dan boleh ditebus pada nilai muka penuh.

Nota \$10 Pertama 1861

Wang kertas \$10 yang pertama, yang dipanggil Nota Segera telah dikeluarkan pada tahun 1861 oleh Jabatan Perbendaharaan. Potret Presiden Abraham Lincoln tertera pada bahagian hadapan nota tersebut.

Reka Bentuk 1862

Pada tahun 1862, reka bentuk duit kertas A.S. menggabungkan pengukiran garis halus, corak kerja selak geometri yang berjalin-jalin, mohor Perbendaharaan dan tandatangan yang diukir untuk membantu dalam pencegahan wang palsu. Semenjak masa itu, Perbendaharaan A.S. terus menambah ciri untuk menghalang pemelancungan mata wang.

Sistem Perbankan Negara 1863

Kongres mewujudkan sistem perbankan negara dan mengarahkan Perbendaharaan A.S. untuk menyelia pengeluaran Nota Bank Negara. Sistem ini mewujudkan garis panduan Persekutuan untuk memberi piagam dan mengawal bank "negara" dan mengarahkan bank tersebut untuk mengeluarkan mata wang kebangsaan yang dijamin oleh pembelian bon Amerika Syarikat.

Perkhidmatan Rahsia 1865

Perkhidmatan Rahsia Amerika Syarikat telah ditubuhkan sebagai biro Perbendaharaan bagi tujuan mengawal pemelancung mata wang yang aktivitinya menghancurkan keyakinan orang awam terhadap mata wang negara.

Biro Pengukiran dan Percetakan 1877

Biro Pengukiran dan Percetakan Jabatan Perbendaharaan mula mencetak semua duit kertas A.S.

Mata wang Kertas Dengan Warna Latar Belakang 1905

Duit kertas A.S. terakhir yang dicetak dengan warna latar belakang merupakan Gold Certificate \$20, Siri 1905, yang mempunyai sedikit warna emas dan mohor merah serta nombor siri.

Akta Rizab Persekutuan 1913

Akta Rizab Persekutuan 1913 telah menubuhkan Sistem Rizab Persekutuan sebagai bank pusat negara dan menyediakan sistem perbankan kebangsaan yang lebih responsif terhadap keperluan kewangan negara yang berubah-ubah. Lembaga Rizab Persekutuan mengeluarkan mata wang baru yang dipanggil Nota Rizab Persekutuan.



Wang Kertas \$5 Baru
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

**Nota \$10 Rizab
Persekutuan yang
Pertama
1914**

Nota Rizab Persekutuan yang pertama telah dikeluarkan pada tahun 1914. Wang kertas ini lebih besar daripada wang kertas hari ini dan telah menonjolkan potret Presiden Andrew Jackson pada sisi hadapannya.

**Reka Bentuk
Distanandardkan
1929**

Perubahan besar yang pertama menjelaskan rupa semua duit kertas terjadi pada tahun 1929. Dalam satu usaha untuk mengurangkan kos, semua duit kertas telah dikurangkan saiz sebanyak lebih kurang 30 peratus. Selain itu, reka bentuk yang distandardkan telah diperkenalkan untuk setiap jenis mata wang merentasi semua kelas duit kertas A.S., dengan itu mengurangkan bilangan reka bentuk berlainan dalam edaran. Penstandardan ini memudahkan orang awam membezakan antara wang kertas tulen dan palsu.

**Pada Tuhan Kami
Percaya
1957**

Penggunaan Moto Negara (National Motto) "Kami Percaya Kepada Tuhan" pada semua mata wang telah dikehendaki oleh undang-undang sejak tahun 1955. Ia mula-mula tertera pada duit kertas dengan pengeluaran Silver Certificate (Sijil Perak) \$1, Siri 1957, dan mula tertera pada Nota Rizab Persekutuan dengan Siri 1963.

**Benang
Keselamatan dan
Penteraan Mikro
1990**

Benang keselamatan dan penteraan mikro telah diperkenalkan untuk mencegah pemelancungan mata wang oleh penyalin dan pencetak yang canggih. Ciri-ciri ini mula-mula tertera pada wang kertas \$100 Siri 1990. Dalam Siri 1993, ciri-ciri ini tertera pada semua jenis mata wang kecuali wang kertas \$1 dan \$2.

**Reka Bentuk
Semula Mata
Wang
1996**

Dalam perubahan reka bentuk pertama yang ketara dalam 67 tahun, duit kertas A.S. telah direka bentuk semula untuk menggabungkan satu siri pencegahan wang palsu yang baru. Wang kertas baru dikeluarkan bermula dengan wang kertas \$100 pada tahun 1996, diikuti dengan wang kertas \$50 pada tahun 1997, wang kertas \$20 pada tahun 1998 dan wang kertas \$10 dan \$5 pada tahun 2000.

**Perkhidmatan
Rahsia
Disepadukan Ke
Dalam Jabatan
Keselamatan
Tanah Air
2003**

Melindungi keselamatan dolar daripada pemelancungan telah dijalankan seiring dengan lain-lain usaha keselamatan tanah air, apabila Perkhidmatan Rahsia A.S. telah disepadukan ke dalam Jabatan Keselamatan Tanah Air A.S. yang baru.



Wang Kertas \$5 Baru
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

**Warna Baru Duit:
Lebih Selamat.
Lebih Bijak.
Lagi Terjamin.
Wang Kertas \$20
Baru
2003**

Untuk mengatasi pemelancungan mata wang, kerajaan A.S. telah memperkenalkan reka bentuk wang kertas Siri 2004 yang baru. Wang kertas \$20 yang direka bentuk semula termasuk:

- *Dakwat Peralihan Warna:* Lihat pada nombor “20” di sudut kanan sebelah bawah pada bahagian hadapan nota. Apabila anda memiringkan nota tersebut ke atas dan ke bawah, dakwat peralihan warna bertukar daripada kuprum menjadi hijau. Peralihan warna menjadi lebih dramatik dalam nota yang direka bentuk semula membuatnya lebih mudah bagi orang memeriksa duit mereka.
- *Tera air:* Pegang nota pada cahaya dan cari tera air, atau imej yang samar-samar, sama dengan potret yang besar. Tera air merupakan sebahagian daripada kertas itu sendiri dan boleh dilihat daripada kedua-dua permukaan wang kertas.
- *Benang Keselamatan:* Pegang wang kertas pada cahaya dan cari benang keselamatan, atau jalur plastik yang terbenam ke dalam kertas dan berlari menegak pada satu sisi nota. Jika anda memerhati dengan teliti, perkataan “USA TWENTY” dan bendera kecil boleh dilihat sepanjang benang tersebut dari kedua-dua permukaan nota. Benang keselamatan juga bercahaya hijau di bawah cahaya ultraungu.

**Wang kertas \$50
yang Baru
2004**

Wang kertas \$50 yang direka bentuk semula telah dikeluarkan pada 28 September 2004 dan termasuk tiga ciri keselamatan:

- *Dakwat Peralihan Warna:* Lihat pada nombor “50” di sudut kanan sebelah bawah pada bahagian hadapan nota. Apabila anda memiringkan nota tersebut ke atas dan ke bawah, dakwat peralihan warna bertukar daripada kuprum menjadi hijau. Peralihan warna menjadi lebih dramatik dalam nota yang direka bentuk semula, membuatnya lebih mudah bagi orang memeriksa duit mereka.
- *Tera air:* Pegang nota pada cahaya dan cari tera air, atau imej yang samar-samar, sama dengan potret yang besar. Tera air merupakan sebahagian daripada kertas itu sendiri dan boleh dilihat daripada kedua-dua permukaan wang kertas.
- *Benang Keselamatan:* Pegang wang kertas pada cahaya dan cari benang keselamatan, atau jalur plastik yang terbenam ke dalam kertas dan berlari menegak pada sebelah kanan potret. Jika anda memerhati dengan teliti, perkataan “USA 50” dan bendera kecil boleh dilihat sepanjang benang tersebut dari kedua-dua permukaan nota. Benang ini bercahaya kuning apabila dipegang di bawah cahaya ultraungu.



Wang Kertas \$5 Baru
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

Wang kertas \$10 yang Baru 2006

Siri 2004A yang direka bentuk semula telah dikeluarkan pada 2 Mac 2006. "A" dalam penentuan siri menandakan perubahan dalam beberapa ciri wang kertas tersebut; dalam kes ini, perubahan dalam tandatangan Bendahari. Wang kertas \$10 yang direka bentuk semula termasuk:

- *Dakwat Peralihan Warna:* Miringkan wang kertas sepuluh anda untuk memeriksa agar nombor "10" di sudut kanan sebelah bawah pada permukaan nota bertukar warna daripada kuprum menjadi hijau. Peralihan warna menjadi lebih dramatik dalam nota yang direka bentuk semula, membuatnya lebih mudah bagi orang memeriksa duit mereka.
- *Tera air:* Pegang wang kertas sepuluh anda pada cahaya untuk melihat jika imej samar-samar Setiausaha Perbendaharaan Alexander Hamilton tertera pada sebelah kanan potretnya yang besar. Ia boleh dilihat daripada kedua-dua sisi nota. Pada nota \$10 yang direka bentuk semula, bujur kosong telah digabungkan ke dalam reka bentuk untuk menonjolkan lokasi tera air tersebut.
- *Benang Keselamatan:* Pegang wang kertas sepuluh anda pada cahaya dan pastikan terdapat jalur kecil terbenam ke dalam kertas tersebut. Perkataan "USA TEN" dan bendera kecil bol;eh dilihat dalam cetakan yang halus. Ia berlari secara menegak ke sebelah kanan potret dan boleh dilihat daripada kedua-dua sisi nota. Benang ini berbahaya oren apabila dipegang di bawah cahaya ultraungu.

Wang kertas \$5 yang Baru 2008

Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula telah dikeluarkan pada Mac 13, 2008. Ciri keselamatan yang baru dan dipertingkatkan membuatkannya lebih mudah untuk memeriksa wang kertas \$5 baru dan lebih sukar bagi pemelancung mata wang untuk meniru. Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula termasuk:

- *Tera air:* Kini terdapat dua tera air pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor "5" yang besar terletak dalam ruang kosong ke sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga "5" yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.
- *Benang Keselamatan:* Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak di sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf "USA" diikuti dengan nombor "5" dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu berbahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.